

Penentuan kepada 50 tahun akan datang

B.H. 30/08/07 M/S 12

Oleh Mohammad Noor Izzuddin Nooh

JIKA samakan usia negara seperti manusia, bolehlah kita rumuskan bahawa negara kita sudah matang, sudah melahirkan golongan pelapis, menerusi pelbagai perubahan, memiliki keluarga besar, mempunyai kedudukan kewangan stabil dan akan mewariskan segala harta kepada golongan pelapis.

Malaysia pernah dijenama sebagai negara pertanian pada awal sejarah penubuhannya. Ia diperkuatkan dengan Rancangan Buku Hijau, kewujudan FELDA, FELCA, RISDA, PORIM dan badan serta agensi lain yang bertanggungjawab sebagai badan pelaksana, perancang dan juga pemberi input dari segi kepakaran dan teknologi untuk rancangan pertanian bersepadu di seluruh negara.

Merdeka adalah suatu peristiwa yang mengizinkan untuk negara kita berada

pada tahap ini dan peristiwa inilah juga yang akan mendisiplinkan masyarakat Malaysia untuk mengorak langkah menuju status negara maju menjelang 2020 nanti. Adakah negara kita akan maju jika masih dijenamakan sebagai sebuah negara pertanian, mahupun sebagai sebuah negara tempat persinggahan barang sebelum menjadi suatu produk lengkap?

Penulis menekankan di sini bahawa kita perlu maju dengan acuan kita sendiri. Tidak ada ertinya kemerdekaan jika kita maju dalam acuan yang ditentukan orang lain. Tidak ada gunanya kita merdeka, tetapi pada zahirnya kebergantungan ekonomi kita pada kuasa luar masih pada tahap lama. Kita perlu membina suatu empayar ekonomi yang disegani yang akan menaungi negara yang lain. Malaysia perlu menjadi tempat rujukan dalam pelbagai aspek, baik dari segi pembangunan, pendidikan, sosial, agama dan lain-lain bidang

lagi yang dapat membantu keamanan dan kestabilan sejagat.

Malaysia perlu kekal mengamalkan dasar perkongsian kuasa bijak antara kaum yang perlu dicontohi negara lain. Banyak negara membangun lain cuba mengamalkan dasar ini, namun keberkesannya amat diragukan. Negara kita bertuah kerana dasar itu merentas zaman dan juga merentas batasan kaum dan agama.

Dengan kata lain, dasar yang diwujudkan kerajaan sesuai untuk diaplikasikan semua warga negara tanpa mengira kaum, agama dan kepercayaan. Sebagai contoh pendekatan Islam Hadhari yang diterima baik bukan saja golongan beragama Islam, malah diterima segenap lapisan masyarakat.

Ia bukti bahawa kemerdekaan kita mewujudkan lapisan pemimpin yang prihatin terhadap kebajikan rakyat pimpinan mereka. Kita dapat lihat bahawa masyarakat

sudah bijak dalam memilih pemimpin dan sebagai bukti sudah ramai pemimpin yang tidak berwibawa dan korup terpinggir dan disisihkan.

Perdana Menteri sekarang banyak mengamalkan dasar toleransi yang membuatkan ramai pihak segan dan mengagumi cara kepemimpinan beliau. Berkat kepemimpinan beliau yang menekankan amanah memerangi rasuah menyebabkan ramai pemimpin dan penjawat awam mula sedar terhadap tanggungjawab yang diamanahkan masyarakat terhadap mereka.

Jika dulu 'siapa kuat akan menang', sekarang 'siapa mengamalkan pengurusan dan pentadbiran yang bersih akan menang'. Rasuah akan melambatkan proses demokrasi. Proses dan sistem dalam pentadbiran awam perlulah bersih dan telus supaya tiada lagi ruang yang kabur atau tersekat yang menyebabkan masyarakat mula bosan dan sangsi terhadap keberkesanan kerajaan dalam memerintah.

...
Lima puluh tahun akan mendatang, bagaimanakah kita ingin menceritakan kepada generasi akan datang mengenai lima puluh tahun yang berlalu. Adakah, ketika kita menyambut kemerdekaan ke-100 pada 2057, masyarakat pada zaman itu masih mengenali Bapa Kemerdekaan dan Bapa Pembangunan Malaysia? Adakah Malaysia akan dijenamakan sebagai negara penguat modal insan kelas pertama? Adakah Malaysia pada zaman itu maju dan merdeka dalam acuan sendiri? Adakah pada masa itu masyarakat kita sudah merdeka dari segi penguasaan ilmu tanpa sempadan? Lima puluh tahun yang berlalu sebenarnya penentu kepada lima puluh tahun akan datang.

Malaysia perlu mempunyai modal insan berhemah, berkualiti dan berpandangan jauh jika ingin memastikan untuk 50 tahun akan datang negara kita tidak akan dijajah dalam apa jua bentuk. Mungkin untuk tempoh itu, kita akan menguasai sebahagian ekonomi dunia, kita akan menjajah sejarah peradaban dunia serta kita akan menjajah dan mencorak perjalanan sosial dunia.

Perjalanan yang jauh bermula dengan langkah pertama. Langkah pertama kanak-kanak adalah langkah yang manis, namun dibimbangi ibu bapa kerana takut kemungkinan anak itu jatuh. Jangan takut, Malaysia menjadi anak yang mengambil langkah pertama tanpa gentar sambil membantu rakan lain bertatih kerana untuk lima puluh tahun akan datang, Malaysia diharap menjadi 'kekanda' kepada negara lain.

Penulis adalah Pensyarah Fakulti
Ekonomi dan Muamalat Universiti
Sains Islam Malaysia (USIM)